

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 08 Mac 2016 8:09
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Noor Hasmini Binti Abd Ghani
Subject: IPQ JADI BENCHMARK AGENDA 5S UKM



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



08 MAC 2016 / 28 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ JADI *BENCHMARK* AGENDA 5S UKM



IPQ ONLINE: Seramai 21 warga Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan lawatan ke Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) pada 6 Mac 2016 yang lalu. Lawatan kerja yang diketuai oleh Pengarah, Prof. Madya Dr. Rohayu Abdul Ghani bertujuan untuk menimba pengalaman dan perkongsian maklumat berhubung pelaksanaan pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) di IPQ khususnya dan UUM amnya.

Ketibaan delegasi disambut oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah, pihak pengurusan dan Ahli-ahli Jawatankuasa 5S IPQ.

Majlis dimulakan dengan pembentangan fungsi serta peranan IPQ oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah. Seterusnya tayangan Montaj 5S/QE IPQ dan pembentangan ringkas berkaitan aktiviti 5S oleh Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti merangkap Pengerusi 5S IPQ, Dr. Noor Hasmini Abd Ghani.

“Saya amat tertarik dengan pengurusan dan pembudayaan 5S di IPQ khususnya dan UUM amnya. Saya ingin memberi cabaran ini kepada semua warga Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan agar kita turut berusaha bagi mendapatkan persijilan 5S MPC pada tahun ini juga”, ujar Prof Madya Dr. Rohayu Abdul Ghani ketika menyampaikan ucapan.

Pengarah IPQ berharap lawatan ini dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Pusat Pembangunan Profesional dan Kepimpinan, UKM dan IPQ. Majlis diakhiri dengan sesi lawatan persekitaran di dua bahagian IPQ itu Bahagian Pentadbiran dan Daya Saing (BPDS) dan Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti (BSKK).

HABIS

=====

=====

DARIPADA:
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN

FOCUS.ACCURATE.SHARP.TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS

TEL. : 04 - 928 4651/55
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>

